

TARIKH	29 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	NEWS

## Bertongkat, berkerusi roda penuh lambaian Kaabah

**J**OHOR BAHRU: Berkerusi roda dan berjalan menggunakan tongkat tidak menghalang dua bakal haji untuk menunaikan rukun Islam kelima itu, sebaliknya kekurangan dimiliki itu membakar semangat mereka untuk menjadi tetamu Allah.

Mereka sebahagian daripada 366 bakal jemaah haji yang dibiayai kerajaan Johor dan diraikan pada Majlis Makan Tengah Hari Bakal-Bakal Haji Bersama Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor (Persada) di sini, semalam.

Md Tahir Hassan, 63, berkata, kaki kanannya dipotong untuk menyelamatkan nyawanya akibat terpijak jerrangkap samar ketika operasi memburu pengganas

komunis di Selatan Thailand pada 1977.

Katanya, dia menggunakan dua tongkat untuk bergerak dan melakukan kerja harian.

“Walaupun dengan kekurangan itu, saya berharap tidak menghadapi sebarang masalah ketika menunaikan haji kelak.

“Saya bersyukur kerana semua urusan untuk menjadi tetamu Allah dipermudahkan walaupun baru mendaftar dengan Tabung Haji sejak tiga tahun lalu.

“Ini kerana, jika mengikut senarai saya dan isteri terpaksa menunggu lebih 20 tahun sebelum dapat menjejakkan kaki ke Tanah Suci,” katanya.

Menurutnya, disebabkan terlalu gembira, dia hampir menitiskan air mata ketika menerima surat tawaran me-

nunaikan haji Mei lalu dan mungkin ia rezekinya bersama isteri.

Lebih menggembirakan pesara tentera dari Taman Daya itu, apabila berpeluang mengerjakan haji bersama isteri tersayang, Maznah Ngah, 58, dan pasangan berkenaan dijangka berlepas ke tanah suci pada 19 September ini.

Kegembiraan itu turut dikongsi Asnah Ariffin, 57, apabila berpeluang mengerjakan haji bersama suami dan anak perempuannya selepas menyimpan hasrat ke Tanah Suci sejak 20 tahun lalu sebelum dimakbulkan tahun ini.

Bekas guru itu berkata, dua kakinya dipotong akibat jangkitan kencing tikus selepas dia terjatuh ketika membantu mangsa banjir di Skudai pada 2007.

Selepas kakinya dipotong, dia bergantung pada kerusi roda dan ahli keluarga untuk bergerak.

“Peristiwa pahit kehilangan dua belah kaki seakan terubat apabila saya dimaklumkan kami tiga beranak tersenarai sebagai bakal haji mengikut rombongan kerajaan Johor dan semua persiapan termasuk kelengkapan sudah disiapkan.

“Walaupun kekurangan daripada segi fizikal, saya bersyukur kerana tahap kesihatan dalam keadaan baik dan berharap kami bertiga dapat menjalankan semua rukun haji dengan lancar,” katanya.

Asnah ditemani suami, Nasir Md Saat, 64 dan anak perempuannya, Faizi Adhanna Nasir, 33, bagi memudahkannya mengerjakan haji.

# Harian METRO

TARIKH	29 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	NEWS



TANYA KHABAR...Abdul Ghani berbual dengan Asnah dan Nasir pada majlis makan tengah hari bakal haji bersama Menteri Besar, semalam.